Ace College lwn Ketua Pendaftar, Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PERMOHONAN SEMAKAN KEHAKIMAN NO R1-25–264–12 TAHUN 2012
ASMABI MOHAMAD H
10 JULAI 2014

Prosedur Sivil — Bantahan awalan — Permohonan untuk semakan kehakiman — Kegagalan menyatakan relief yang ingin dipohon dengan jelas — Sama ada ketakpatuhan A 53 k 2(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 boleh dipulihkan — Bidang kuasa mahkamah untuk memberikan kebenaran bagi semakan kehakiman — Pemfailan permohonan semakan kehakiman melebihi tiga bulan dari tarikh alasan — Sama ada pemfailan dalam tempoh masa yang diperuntukkan

Pemohon, sebuah institusi pengajian tinggi swasta ('IPTS'), telah mendapat kelulusan oleh Perakuan Pendaftaran IPTS untuk tempoh lima tahun. Sebelum sijil perakuan pendaftaran tersebut tamat, pemohon memohon untuk memperbaharui pendaftaran namun Jabatan Pengajian Tinggi memaklumkan kepada pemohon bahawa permohonan bagi pembaharuan pendaftaran IPTS pemohon tidak dapat dipertimbangkan kerana pemohon gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan. Pemohon memfailkan permohonan untuk semakan kehakiman bagi memohon kebenaran tetapi permohonan tersebut ditolak atas alasan kecacatan prosedur pemfailan. Pemohon seterusnya memfailkan permohonan untuk mendapatkan kebenaran mahkamah ini bagi memulakan prosiding di bawah A 53 k 2 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM') ('kandungan 3'). Permohonan ini difailkan 76 hari selepas keputusan yang dibuat oleh Ketua Pendaftar, Institusi Pendidikan Tinggi. Jabatan Peguam Negara telah membangkitkan bantahan awal terhadap kandungan 3 kerana pemohon didakwa gagal mematuhi peruntukan A 53 k 2(1) KKM atas kegagalannya menyatakan dengan jelas relief yang ingin dipohon melalui kandungan 3; dan pemohon didakwa gagal mematuhi peruntukan A 53 k 3(6) KKM 2012 kerana kandungan 3 telah dibuat di luar tempoh yang dikehendaki.

Diputuskan, menolak kandungan 3 dengan kos:

(1) Jika dilihat pada kandungan 3, pemohon telah gagal menyatakan apakah relief yang ingin dipohon melalui proses semakan kehakiman jika kebenaran diberi oleh mahkamah. Kegagalan pemohon menyatakan dengan jelas dalam Borang 109 tersebut adalah suatu luar aturan yang tidak boleh dipulihkan. Oleh yang demikian, mahkamah ini tidak

mempunyai bidang kuasa bagi memberi kebenaran kepada pemohon untuk semakan kehakiman (lihat perenggan 23(a)).

(2) Kandungan 3 telah difailkan melebihi 76 hari dari tempoh 90 hari seperti yang diperuntukkan di bawah A 53 k 3(6) KKM 2012 iaitu dari tarikh pemohon menerima surat pemakluman keputusan tersebut. Pemohon telah gagal mematuhi peruntukan A 53 k 2(1) yang mengkehendaki permohonan dibuat dengan segera dan dalam mana-mana hal, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh bila alasan bagi permohonan itu mula-mula diberikan. Kandungan 3 pemohon yang difailkan di luar tempoh yang diperuntukkan oleh undang-undang hendaklah ditolak oleh mahkamah. Oleh itu, bantahan-bantahan awal yang telah dibangkitkan wajar dikekalkan (lihat perenggan 23(b)).

[**English summary**

The applicant, an institute for higher education ('IPTS'), had obtained approval via the certificate of registration of IPTS for five years. Before the certificate of registration expired, the applicant applied to renew their registration but the department of higher education notified the applicant that the application for the renewal of the applicant's IPTS could not be considered as the applicant failed to comply with the terms prescribed by the department. The applicant filed an application for judicial review to obtain the court's leave but the application was dismissed on the ground that the filing procedure was defective. The applicant then filed an application for the court's leave to commence this proceeding under O 53 r 2 of the Rules of Court 2012 ('ROC') ('encl 3'). This application was filed 76 days after the decision was made by the Head Registrar, IPTS. The Attorney General's Office had raised a preliminary objection against encl 3 as the applicant was alleged to have failed to comply with provision O 53 r 2(1) of the ROC for its failure to state clearly the reliefs it was seeking by way of encl 3; and the applicant had allegedly failed to comply with provision of O 53 r 3(6) of the ROC as encl 3 was made out of time.

Held, dismissing encl 3 with costs:

(1) Looking at encl 3, the applicant had failed to state what was the relief being sought by way of judicial review if leave was granted by the court. The applicant's failure to state clearly in Form 109 was an irregularity that could be remedied. Hence, the court did not have the jurisdiction to grant leave to the applicant for judicial review (see para 23(a)).

(2) Enclosure 3 was filed more than 76 days from the period of 90 days provided under O 53 r 3(6) of the ROC which was the date the applicant received the letter of notification. The applicant failed to comply with O 53 r 2(1) which requires the application to be made and under any circumstances, from the period of three months of the date the grounds for the application was issued. The applicant's encl 3 which was filed out

of the period provided under the law must be dismissed by the court. Hence, the preliminary objections raised ought to be dismissed (see para 23(b)).]]]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai permohonan untuk semakan kehakiman, lihat 2(3) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2014 Reissue) perenggan 5318–5321.

Kes-kes yang dirujuk

Abdul Rahman bin Abdullah Munir & Ors v Datuk Bandar Kuala Lumpur & Anor [2008] 6 MLJ 704, MR (dirujuk)

Ahmad Jefri Mohd Jahri @ Md Johari v Pengarah Kebudayaan & Kesenian Johor & Ors [2010] 3 MLJ 145, MP (dirujuk)

Association of Bank Officers, Peninsular Malaysia v Malayan Commercial Banks Association [1990] 3 MLJ 228; [1990] 1 CLJ (Rep) 33, MA (dirujuk)

Mersing Omnibus Co Sdn Bhd v Minister of Labour and Manpower & Anor [1983] 2 MLJ 54; [1983] CLJ (Rep) 266, MP (dirujuk)

Tang Kwor Ham & Ors v Pengurusan Danaharta Nasional Bhd & Ors [2006] 5 MLJ 60; [2006] 1 CLJ 927, MR (dirujuk)

Yick Hoe Ferrous Steel Sdn Bhd v Tribunal Rayuan Kastam [2010] MLJU 1407; [2011] 7 CLJ 544, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Institusi Pengajian Pendidikan Tinggi Swasta 1996
Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 25(2)
Akta Pelajaran 1961 s 48
Akta Syarikat 1965
Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 53 kk 2, 2(1), 3(6), Borang 109

Kok Kon Sang (Ketua Pegawai Eksekutif) mewakili diri sendiri.
Natra bt Idris (Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Asmabi Mohamad H

PENGENALAN

[1] Pemohon Ace College (selepas ini disebut 'pemohon') telah memfailkan permohonan untuk mendapat kebenaran mahkamah ini bagi memulakan prosiding di bawah A 53 k 2, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 (kandungan 3) untuk relief-relief berikut:

(1) permohonan untuk pembaharuan perakuan pendaftaran bertarikh 22 April 2014 dibenarkan;

(2) pengambilan pelajar Malaysia dan asing dibenarkan;

(3) notis rayuan bertarikh 9 Mei 2012 untuk akreditasi atas kursus lanjut diluluskan.

[2] Pemohon juga memohon supaya prosiding dalam tindakan ini digantungkan berserta kos dalam kausa.

[3] Kandungan 3 telah difailkan bersama-sama dengan pernyataan menurut A 53 k 3(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM 2012') dan afidavit sokongan yang diikrarkan oleh Encik Eddie Kok Kon Sang bertarikh 17 Disember 2012 ('afidavit sokongan').

[4] Kandungan 3 telah ditetapkan untuk sebutan di hadapan Puan Timbalan Pendaftar pada 30 Januari 2013, Puan Natra bt Idris, Peguam Persekutuan yang hadir bagi pihak YB Peguam Negara telah menyatakan Jabatan Peguam Negara akan membangkitkan bantahan awal terhadap permohonan pemohon yang akan dihujahkan dalam hujahan bertulis yang akan difailkan nanti.

[5] Kes ini telah ditetapkan dari masa ke semasa di hadapan YA hakim Dato' Seri Zakaria bin Sam sehinggalah pelantikan YA hakim ke Mahkamah Rayuan Malaysia. Ekoran pelantikan YA hakim, dan di atas arahan YA hakim pengurus, YA Datuk Zaharah bt Ibrahim kes ini telah ditetapkan untuk pendengaran di hadapan saya pada 17 April 2014.

[6] Setelah mendengar penghujahan Peguam Pesekutuan yang mewakili YB Peguam Negara dan juga Pemohon pada 16 Mei 2013, Mahkamah telah membenarkan bantahan awal YB Peguam Negara dan selanjutnya menolak kandungan 3 dengan kos sebanyak RM3,000 untuk dibayar oleh pemohon kepada YB Peguam Negara.

[7] Pemohon yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat telah merayu ke Mahkamah Rayuan Malaysia terhadap keputusan ini.

FAKTA RINGKAS KES

[8] Pemohon telah didaftarkan pada 6 Januari 1978 di bawah Akta Pelajaran 1961 atas nama pengerusinya, Encik K S Kok (lihat 'eksh A' – afidavit sokongan). Pemohon telah diberi kelulusan oleh Kementerian Pendidikan untuk meluluskan kajian amalan dalam Perakaunan dan Kesetiausahaan Syarikat iaitu Kursus Association of Certified Chartered Account ('ACCA') dan Institute of Chartered Secretary and Administrator, UK ('ICCA'). (Lihat afidavit sokongan 'eksh B').

[9] Sebelum ini pemohon dikenali sebagai Berjaya Commercial Institution

dan Associated Institute of Commerce. Pada 5 Disember 2007 Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah meluluskan permohonan Associated Institute of Commerce untuk menukarkan namanya kepada ACE College (lihat 'eksh C' dan 'eksh G' di ms 4 dan 17 di afidavit sokongan). Pemohon bukan merupakan sebuah entiti yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965.

[10] Pemohon diberi kelulusan untuk beroperasi sebagai sebuah sekolah untuk menjalankan kursus-kursus seperti 'book-keeping'. menaip, trengkas, stenografi dan kesetiausahaan oleh Kementerian Pelajaran melalui sijil yang dikeluarkan di bawah s 48 Akta Pelajaran 1961 (lihat 'eksh A' di ms 2 afidavit sokongan).

[11] Dengan berkuatkuasanya Akta Institusi Pengajian Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555), pemohon merupakan sebuah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) dan telah diluluskan seperti perakuan pendaftaran IPTS untuk tempoh lima tahun bermula daripada 12 November 2007 hingga 11 November 2012 (lihat 'eksh G' di ms 18 afidavit sokongan).

[12] Pada 22 April 2012, sebelum sijil perakuan pendaftaran pemohon tamat, pemohon telah membuat permohonan untuk memperbaharui pendaftaran (lihat 'eksh M' di ms 39 afidavit sokongan).

[13] Pada 28 Jun 2012, pemohon telah dimaklumkan oleh Jabatan Pengajian Tinggi bahawa permohonan bagi pembaharuan pendaftaran IPTS pemohon tidak dapat dipertimbangkan kerana pemohon telah gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh jabatan itu bagi tujuan pendaftaran (lihat 'eksh N' di ms 51 afidavit sokongan). Surat-surat bertarikh 25 Julai 2012, 8 Ogos 2012 dan 5 September 2012 juga relevan bagi tujuan pembaharuan perakuan pendaftaran (lihat ms 57, 62 'eksh Q' dan 68 'eksh S' – afidavit sokongan).

[14] Pada 13 Disember 2012, pemohon telah memfailkan permohonan untuk Semakan Kehakiman di hadapan YA Hakim Dato' Rohana binti Yusuf bagi memohon kebenaran. Permohonan tersebut ditolak oleh YA Hakim kerana kecacatan prosedur pemfailan.

[15] Permohonan di hadapan mahkamah ini difailkan pada 18 Disember 2012 iaitu lebih kurang 76 hari selepas keputusan yang dibuat oleh Ketua Pendaftar, Institusi Pendidikan Tinggi bertarikh 28 Jun 2012.

BANTAHAN AWAL PEGUAM NEGARA

[16] Kes ini telah dipanggil di hadapan Puan Timbalan Pendaftar pada 30 Januari 2013. Pada tarikh ini Peguam Persekutuan, Puan Natra bt Idris yang

hadir bagi mewakili YB Peguam Negara telah memaklumkan kepada Puan Timbalan Pendaftar, pihak Peguam Negara akan membangkitkan bantahan awal terhadap notis permohonan pemohon (kandungan 3) yang akan dihujahkan melalui hujahan bertulis yang akan difailkan. Mahkamah telah menetapkan kes ini ke 5 Mac 2013 untuk pihak-pihak memfailkan hujahan bertulis masing-masing.

[17] Pada 5 Mac 2013, Peguam Persekutuan hadir di mahkamah bagi menyerahkan hujahan bertulisnya dan beliau dimaklumkan oleh mahkamah, kandungan 3 dan bantahan awal YB Peguam Negara telah ditetapkan ke 25 Mac 2013 untuk pendengaran di hadapan YA Hakim.

[18] Kes ini telah ditetapkan dari masa ke semasa sehinggalah ke tarikh kes ini diperintahkan untuk didengar di hadapan saya pada 17 April 2014 dan selanjutnya pada 16 Mei 2014. Memandangkan hujahan bertulis yang mengandungi bantahan awal telah difailkan pada 25 Mac 2013 lagi dan diserahkan kepada pemohon, pada tarikh pendengaran di hadapan saya, pemohon mempunyai notis yang cukup mengenai bantahan awal YB Peguam Negara dan berpeluang untuk berhujah mengenainya di hadapan saya pada 17 April 2014. Dalam keadaan ini, defendan tidak diprejudiskan langsung dan mempunyai peluang sepenuhnya untuk berhujah atas isu bantahan awal itu. Alasan pemohon berhubung ketiadaan notis bantahan awal tidak bermerit.

[19] YB Peguam Negara telah membangkitkan bantahan awal terhadap kandungan 3 atas dasar:

(1) Pemohon telah gagal mematuhi peruntukan A 53 k 2(1) Kaedah-Kedah Mahkamah 2012 ('KKM 2012'), pemohon gagal untuk menyatakan dengan jelas relief yang ingin dipohon melalui kandungan 3 menyebabkan permohonan pemohon sebagai suatu yang remeh dan menyusahkan mahkamah. Oleh yang demikian, mahkamah ini tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar kandungan 3.

(2) Pemohon gagal mematuhi peruntukan A 53 k 3(6) KKM 2012 kerana kandungan 3 telah dibuat di luar tempoh yang dikehendaki di bawah A 53 k 3(6) KKM 2012.

[20] Prinsip umum yang hendak dipatuhi mahkamah dalam mendengar permohonan untuk kebenaran telah diasaskan dalam beberapa kes. Dalam kes *Tang Kwor Ham & Ors v Pengurusan Danaharta Nasional Bhd & Ors* [2006] 5 MLJ 60; [2006] 1 CLJ 927, Yang Arif Gopal Sri Ram (HMR) telah menyatakan pada tahap permohonan untuk kebenaran memohon semakan kehakiman, fungsi mahkamah ialah untuk melihat sama ada permohonan di hadapan mahkamah itu remeh. Perkara-perkara yang boleh disifatkan sebagai remeh yang diberi oleh Mahkamah Rayuan ialah, sama ada pemohon

merupakan seorang penyibuk ('busybody') atau permohonan dibuat di luar masa yang ditetapkan oleh A 53 atau tindakan terhadap seseorang atau sesuatu badan yang dilindungi dari prosiding undang-undang.

[21] Mahkamah berhak untuk menolak permohonan untuk kebenaran hanya dalam senario yang disebut sebelum ini.

[22] Pada tahap permohonan untuk kebenaran, pemohon perlu menunjukkan permohonannya tidak remeh dan suatu kes prima facie telah berjaya dibuktikan bagi mahkamah memberi kebenaran untuk pemohon memohon Semakan Kehakiman (lihat *Association of Bank Officers, Peninsular Malaysia v Malayan Commercial Banks Association* [1990] 1 CLJ (Rep) 33).

[23] Berbalik kepada kes di hadapan saya. Berikut adalah bantahan oleh YB Peguam Negara:

(a) *Bantahan 1*

Aturan 53 k 2 (1), KKM 2012 telah memperuntukkan permohonan untuk kebenaran hendaklah dalam Borang 109;

(i) Berdasarkan kepada A 53 k 2(1) KKM 2012, pemohon dikehendaki menyatakan dengan jelas relief yang dinyatakan dalam perenggan 1 Jadual kepada s 25(2), Akta Mahkamah Kehakiman 1964 bagi maksud yang dinyatakan di dalamnya iaitu jenis relief yang dipohon sama ada dalam bentuk antaranya habeas corpus, mandamus, prohibition, quo warranto dan certiorari.

(ii) Pemakaian perkataan 'shall' dalam A 53 k 2(1) KKM 2012 dengan jelas menunjukkan pematuhan kepada peruntukan tersebut ialah mandatori dan bukan merupakan satu ketidakpatuhan teknikal yang boleh diselamatkan. (lihat kes *Yick Hoe Ferrous Steel Sdn Bhd v Tribunal Rayuan Kastam* [2010] MLJU 1407; [2011] 7 CLJ 544).

(iii) Berdasarkan kepada kes ini, ketidakpatuhan peruntukan A 53 k 2(1) oleh pemohon tidak diselamatkan oleh KKM 2012.

(iv) Jika dilihat pada kandungan 3, pemohon telah gagal menyatakan apakah relief yang ingin dipohon melalui proses semakan kehakiman jika kebenaran diberi oleh mahkamah.

(v) Kegagalan pemohon menyatakan dengan jelas dalam Borang 109 tersebut adalah suatu luar aturan yang tidak boleh dipulihkan. Oleh yang demikian, mahkamah ini tidak ada mempunyai bidang kuasa bagi memberi kebenaran kepada pemohon untuk semakan kehakiman.

(b) *Bantahan 2*

Aturan 53 kaedah 3(6) KKM 2012 tidak dipatuhi.

(i) Setiap permohonan untuk semakan kehakiman hendaklah dibuat dengan segera dan di dalam mana-mana hal, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh bila alasan bagi permohonan itu mula-mula berbangkit atau bila keputusan itu mula-mula diberikan kepada pemohon.

(ii) Penelitian dokumen yang difailkan menunjukkan pemohon mengetahui mengenai keputusan permohonan pembaharuan perakuan pendaftaran melalui surat bertarikh 28 Jun 2012 ('eksh N' di ms 51 afidavit sokongan).

(iii) Namun dalam penyataan dan afidavit sokongan pemohon, pemohon telah menyatakan keputusan tersebut dibuat melalui surat bertarikh 5 September 2012 (lihat 'eksh S' di ms 68 afidavit sokongan).

(iv) Daripada dokumen yang difailkan pemohon, alasan bagi permohonan itu mula-mula berbangkit pada 5 September 2012 melalui eksh S daripada afidavit sokongan.

(v) Dokumen yang difailkan oleh pemohon sendiri menunjukkan keputusan permohonan pembaharuan perakuan pendaftaran dibuat pada 28 Jun 2012, melalui 'eksh N' pada afidavit sokongan. Dokumen pemohon sendiri menunjukkan 'eksh N' diterima oleh pemohon pada 3 Julai 2012 (lihat 'eksh O' di ms 52 afidavit sokongan).

(vi) Surat-surat yang ditunjuk oleh pemohon seperti pada eksh 'P'. 'Q' dan 'S' hanya merupakan surat ulangan semata-mata. Jelas di sini kandungan 3 telah difailkan melebihi 76 hari daripada tempoh 90 hari seperti diperuntukkan di bawah A 53 k 3(6), KKM 2012 daripada 3 Julai 2007 iaitu tarikh pemohon menerima surat pemakluman keputusan tersebut. Oleh yang demikian, pemohon telah gagal mematuhi peruntukan A 53 k 2(1) yang mengkehendaki permohonan dibuat dengan segera dan di dalam mana-mana hal, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh bila alasan bagi permohonan itu mula-mula diberikan.

(vii) Berdasarkan kepada perkara ini kandungan 3 pemohon yang difailkan di luar tempoh yang diperuntukkan oleh undang-undang hendaklah ditolak oleh mahkamah.

(viii) Dalam kes *Abdul Rahman bin Abdullah Munir & Ors v Datuk Bandar Kuala Lumpur & Anor* [2008] 6 MLJ 704, YA Hakim Abdul Hamid Embong (HMR) menyatakan bidang kuasa mahkamah bagi permohonan semakan kehakiman bagi writ prerogatif yang dinyatakan dalam perenggan 1 Jadual pada Akta

Mahkamah Kehakiman 2012 hendaklah dilaksanakan setelah terdapat pematuhan obligitari pada kehendak yang ditetapkan di bawah A 53 k 3, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KKMT 1980').

(ix) Mahkamah Rayuan telah menekankan pematuhan kepada tempoh masa yang ditetapkan di dalam A 53 k 3 KKMT 1980 adalah sesuatu yang fundamental yang akan menentukan sama ada Mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar permohonan tersebut.

(x) Di dalam kes *Mersing Omnibus Co Sdn Bhd v Minister of Labour and Manpower & Anor* [1983] 2 MLJ 54; [1983] CLJ (Rep) 266 Mahkamah Persekutuan telah menekankan keperluan bagi pematuhan kepada tempoh masa yang ditetapkan oleh A 53 KKMT 1980. Sekiranya permohonan dibuat di luar masa, pemohon wajar memohon pelanjutan masa untuk memfailkan permohonan bagi semakan kehakiman. Dalam kes di hadapan Mahkamah ini tiada permohonan untuk pelanjutan masa difailkan atau penjelasan diberi atas kelewatan pemohon memfailkan kandungan 3.

(xi) Keperluan permohonan difailkan dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh A 53 KKMT 1980 juga telah ditekankan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Ahmad Jefri Mohd Jahri @ Md Johari v Pengarah Kebudayaan & Kesenian Johor & Ors* [2010] 3 MLJ 145. Selanjutnya Mahkamah Persekutuan menyatakan ketidakpatuhan ini boleh menyebabkan permohonan dibatalkan atas alasan penyalahgunaan proses mahkamah.

KESIMPULAN

[24] Berdasarkan kepada perkara-perkara yang dihurai terdahulu dari ini dan disokong oleh undang-undang kes yang mantap, mahkamah berpendapat bantahan awal YB Peguam Negara wajar dikekalkan dan selanjutnya kandungan 3 ditolak dengan kos.

Kandungan 3 ditolak dengan kos.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor